

**UCAPAN PERASMIAN  
MAJLIS ANUGERAH LEMBAGA ARKITEK  
MALAYSIA  
DAN  
PELANCARAN MANUAL AKREDITASI  
PENDIDIKAN SENIBINA**

**OLEH**

**MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA  
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**TARIKH : 17 OGOS 2015 (ISNIN)**  
**MASA : 8.00 MALAM**  
**TEMPAT : HILTON KUALA LUMPUR SENTRAL**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara/ saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Ar. Prof. Datuk Dr. Amer Hamzah Mohd Yunus

Yang Dipertua Lembaga Arkitek Malaysia

Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada malam ini untuk menghadiri dan memeriahkan **Majlis Anugerah Lembaga Arkitek Malaysia** dan juga **Pelancaran Manual Akreditasi Pendidikan Senibina** Lembaga Arkitek Malaysia.
2. Saya amat berbesar hati kerana Lembaga Arkitek Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memberi pengiktirafan kepada mereka yang telah berjasa, menyumbang tenaga dan mencerahkan bakti kepada pembangunan profesi senibina di negara ini. Pengiktirafan sumbangannya tersebut bukanlah hanya kepada mereka yang melaksanakan praktis senibina malah juga kepada mereka yang telah menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara secara

langsung dan juga telah mengharumkan negara hingga ke peringkat antarabangsa.

3. Saya juga dimaklumkan bahawa pada malam ini, Lembaga Arkitek Malaysia akan mengiktiraf mereka yang telah berjasa dalam dunia pendidikan senibina, dan telah melatih pelajar-pelajar senibina di institusi pengajian tinggi tempatan bagi menzahirkan ramai tenaga profesional senibina di negara ini.

Hadirin yang saya hormati,

4. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) yang meliputi tempoh 2016-2020 merupakan pelonjak akhir sebelum kita memasuki gelanggang negara maju. Saya berpandangan bahawa Profesional Arkitek mempunyai peranan yang lebih penting dalam pelaksanaan RMKe11 ini, khususnya, dalam menyusun strategi dan pelan tindakan bersesuaian supaya teras Kesejahteraan Rakyat, Pertumbuhan Hijau, dan Infrastruktur dapat direalisasikan. Dalam RMKe11, Kerajaan memberi tumpuan kepada projek-projek berimpak tinggi dengan *value for cost*, dan semua pihak terlibat hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan dibuat dengan cekap dan pantas. Harapan saya adalah supaya para arkitek mampu membantu Kerajaan untuk menyegerakan pelaksanaan projek-projek RMKe11 dengan jayanya.

5. Saya juga ingin memaklumkan bahawa di bawah RMKe11, Kementerian Kerja Raya dan agensi di bawahnya adalah komited kepada Pelan Transformasi Industri Pembinaan (CITP) (2016-2020) bagi menggerakkan industri pembinaan untuk memenuhi nilai kecekapan dan kehendak pasaran. Program transformasi ini memberi fokus kepada beberapa strategi utama seperti memacu produktiviti dalam rantaian *supply chain* dan dalam soal pembinaan itu sendiri, dan seterusnya, memupuk amalan pembinaan lestari, meningkatkan tahap kualiti, keselamatan dan profesionalisma, dan lebih penting sekali “mengantarabangsakan” industri pembinaan.
6. Saya berharap program transformasi tersebut dapat menjadikan industri pembinaan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa. Aspirasi ini turut melibatkan peningkatan bilangan dan kualiti tenaga kerja mahir yang mampu mengendalikan penggunaan kaedah pembinaan berteknologi tinggi.

Hadirin yang saya hormati,

7. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Arkitek Malaysia kerana telah berjaya menghasilkan sebuah manual komprehensif yang menjadi panduan dalam proses akreditasi pendidikan senibina kepada semua institusi pengajian tinggi tempatan negara. **Manual Akreditasi Program Pendidikan Senibina** menetapkan piawaian dan kualiti program senibina dari institusi pengajian senibina dalam dan luar negara

supaya tahap profesionalisma di kalangan arkitek sentiasa menepati palang akauntabiliti tertinggi.

8. Dalam konteks ini, ingin saya maklumkan bahawa mulai **1 Januari 2017** semua pengiktirafan automatik kepada institusi pendidikan senibina luar negara akan dijumudkan dan akan divalidasi dengan menggunakan dokumen **Polisi dan Prosedur Program Validasi Pendidikan Senibina dari Institusi Luar Negara** yang dibangunkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia. Lembaga Arkitek Malaysia akan mengusahakan senarai baru institusi pendidikan senibina luar negara yang diiktiraf mulai tarikh tersebut. Saya difahamkan bahawa untuk tujuan ini, beberapa siri *engagement* telah dijalankan bersama-sama pemegang taruh/stakeholders yang melibatkan Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM), agensi-agensi penaja, IPTA, IPTS serta pihak-pihak yang berkepentingan sebelum program penjumudan dilaksanakan.

Hadirin yang saya hormati,

9. Untuk makluman, selaras dengan komitmen negara kepada seruan liberalisasi, pindaan ketiga-tiga Akta Professional yakni Arkitek, Jurutera dan Juru Ukur Bahan telah diluluskan oleh Parlimen pada Disember 2014.
10. Susulan daripada itu, saya berharap Arkitek tempatan kelak dapat meningkatkan kapasiti, kemahiran dan profesionalisma serta memperkuuhkan perkhidmatan masing-masing supaya mampu

bersaing di dalam dan di luar negara apabila pasaran sektor perkhidmatan mulai dibuka kepada profesional asing.

11. Bagi mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada Lembaga Arkitek Malaysia atas penganjuran Majlis yang amat bermakna kepada profesion arkitek pada hari ini. Ucapan setinggi-tinggi tahniah juga kepada mereka yang berjaya menerima pengiktirafan **Pingat Presiden Lembaga Arkitek Malaysia** dan **Pingat Pendidikan Senibina** pada malam ini. Semoga lebih banyak program penghargaan dapat dilaksanakan bagi menarik dan melahirkan lebih ramai arkitek di negara ini menjelang tahun 2020.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya dengan berbesar hati merasmikan **Majlis Anugerah Lembaga Arkitek Malaysia** dan **Pelancaran Manual Akreditasi Pendidikan Senibina**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.